

Sebahagian Ahli Majlis  
MDKL menunjukkan  
isyarat bagus simbolik  
dengan wajah baharu  
Dataran Banting.



## Dataran Banting berwajah baharu

MDKL giat naik taraf kawasan rekreasi itu, jadi salah satu tarikan pengunjung

**BANTING** - Dataran Banting yang dahulunya suram dan tidak mempunyai sebarang kemudahan kini sudah dilengkapi dengan kemudahan canggih yang membantu menarik minat pengunjung hadir.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, atas usaha yang dijalankan MDKL membangunkan semula satu-satunya kawasan rekreasi di Pekan Banting itu berjaya menaik taraf dataran melalui fasa pertama dengan pembinaan Entrance Plaza yang telah siap sepenuhnya pada 25 Januari lalu.

Menurutnya, bagi memenuhi hasrat dan kehendak masyarakat setempat, MDKL meneruskan projek menaik taraf Dataran Banting melalui fasa kedua di mana pelbagai komponen dibangunkan dengan keluasan keseluruhan 500 meter persegi.

"Antaranya, pembinaan Skateplaza dan bowl, elevated platform dengan tangga, ramp dan grind ledge, dinding grafiti, bangku taman, galvanised iron box up lettering dan lampu limpah.

"Kesemua ini menelan belanja sebanyak hampir RM400,000," katanya se-



Ukiran konsep suku kaum Mah Meri turut diabadikan di pondok rehat.

lepas Majlis Pelancaran Wajah Baharu Dataran Banting dan Penyerahan Tong Sampah di Dataran Banting, semalam.

Azhar berkata, kerja-kerja menaik taraf itu adalah untuk rakyat menikmati kelainan apabila berkunjung serta beriadah di dataran bersama keluarga.

Katanya, pihaknya berusaha memajukan daerah ini dengan pelbagai perancangan dan pembangunan.

### 10 tahun tidak dibangunkan

Mengulas mengenai idea membangunkan Dataran Pekan Banting itu, Azhar berkata, sebelum ini hampir se-



Ahli majlis menerima tong sampah daripada Mohd Azhar.

tiap hari beliau akan melalui laluan tersebut dan sering bertanyakan kepada pemandunya berkenaan dataran itu yang tidak dibangunkan.

"Pemandu saya memaklumkan kira-kira 10 tahun kawasan itu tidak diceriakan.

"Jadi dengan maklumat itu, terjadilah satu usaha membantu memikirkan idea yang sesuai dalam menaiktarafkan Dataran Banting," katanya.

### Sambut baik usaha naik taraf

Dalam pada itu, Ahli Majlis Zon 13, Ang Lee Yong berkata, beliau gembira apabila idea yang diberikan dalam mesyuarat mendapat perhatian.

Katanya, usaha menaik taraf dan menjenamakan semula Dataran Banting sebagai sebuah pusat rekreasi yang popular bakal menarik pengunjung untuk memanfaatkan kemudahan yang disediakan.

"Saya harap kemudahan ini dapat dipelihara dan dijaga dengan baik.

"Pelbagai usaha dilaksanakan MDKL semata-mata bagi memberi peluang kepada penduduk setempat

menikmati kemudahan yang disediakan," katanya.

Ahli Majlis Zon 1, Hairul Nizam Tohar berkata, pengunjung terutama golongan belia diharapkan dapat menggunakan kemudahan dengan baik tanpa sebarang kerosakan.

Katanya, kemudahan 'skate park' antara kemudahan yang dinantikan remaja malah di Dataran Banting adalah satu-satunya kawasan yang mempunyai kawasan sukan papan luncur.

### Edar 100 unit tong sampah

Selain daripada usaha menaiktarafkan dataran ini, MDKL juga menyerahkan tong sampah kepada semua ahli majlis yang disumbangkan kerajaan negeri bagi kegunaan penduduk sekitar.

Azhar berkata, MDKL menerima 100 unit tong sampah bersaiz 120 liter untuk kegunaan rumah sekali gus dapat digunakan secara optimum dan berkesan supaya kawasan persekitaran kekal bersih dan terhindar daripada sebarang permasalahan sampah sekali gus memudahkan kerja-kerja kutipan sampah.



Mohd Azhar (tiga, kiri) berbincang dengan pegawainya mengenai keadaan tapak permainan sukan papan luncur.